



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**8 JUN 2023 (KHAMIS)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**8 JUN 2023 (KHAMIS)**

## KPDN sedia pertimbang tambah bekalan gula di negeri tertentu

**SHAH ALAM** - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak-Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub sedia mempertimbangkan cadangan untuk menambah bekalan gula di negeri tertentu pada musim perayaan.

Menurutnya, cadangan tersebut dilihat bersesuaian memandangkan ada negeri yang menghadapi kekurangan bahan itu semasa musim perayaan sebelum ini, ekoran ramai warga kota pulang ke kampung halaman masing-masing.

"Perkara itu kita kena lihat unjurannya dan pegawai saya akan lihat statistik bekalan semasa dan betul saya bersetuju dengan cadangan itu," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan sesi pemantauan dan lawatan ke kilang gula Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR), di sini pada Rabu.

Beliau berharap syarikat CSR dan MSM



SALAHUDDIN

Malaysia Holdings dapat membantu dalam melaksanakan cadangan tersebut.

"Kita ambil contoh di Johor sekiranya memerlukan 10,000 tan metrik atau di Kelantan perlukan sehingga 13,000 tan metrik."

"Jadi apabila orang ramai balik semasa Hari Raya Haji nanti, peratusan kekurangan bekalan gula itu kita akan sedia tumpang dan pemborong boleh simpan dan beli bekalan lebih sikit bagi tumpung kekurangan itu," ujarnya.

Dalam pada itu, Salahuddin meminta orang ramai untuk terus memberi kerjasama dengan melaporkan kepada pihaknya jika terdapat sebarang kekurangan bekalan gula di mana-mana kedai.

"Hantar gambar dan lokasi kedai mana yang tiada bekalan gula itu dan pihak kami akan segera bertindak untuk mendapatkan penjelasan daripada pemborong dan pemilik kedai berkenaan," katanya. - Bernama

## Call to boost sugar supply under review

**SHAH ALAM:** Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub is prepared to consider a proposal to raise the supply of sugar for certain states during festive seasons.

"We will look at the projection once the ministry officers gets the statistics on the current supply," he said.

He expressed hope Central Sugar Refinery Sdn Bhd and MSM Malaysia Holdings would assist in implementing the proposal.

"For example, there may be a need to raise up to 10,000 tonnes in Johor or up to 13,000 tonnes in Kelantan.

"So, when the people return for Hari Raya Haji, we will accommodate the higher demand by allowing wholesalers to stock more supplies to overcome shortage," he said. -Bernama

Punca barang kawalan untuk rakyat tempatan tiris ke tangan warga asing

# Tiada mekanisme selia subsidi

Oleh FAHMI FAIZ  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Ketiadaan mekanisme untuk mengawal selia barang bersubsidi kepada kumpulan sasar menyebabkan berlaku ketirisan sehingga ia turut dinikmati warga asing.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, sumber industri yang terlibat dalam soal dasar berkata, setakat ini tiada kementerian atau agensi yang mempunyai punca kuasa menyelesaikan isu itu.

Katanya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sebagai punca kuasa utama dalam isu barang kepenggunaan juga didakwa tidak mempunyai kuasa yang benar-benar mutlak untuk menyelia ketirisán subsidi barang kepenggunaan.

"Hal itu mengakibatkan dua juta warga asing yang berada di negara ini turut menikmati pelbagai subsidi barang yang sepatutnya disalurkan kepada warga tempatan yang benar-benar layak.

"Contohnya, kenderaan bernombor pendaftaran asing, kementerian tak benarkan membeli minyak petrol atau diesel bersubsidi.

Bersambung di muka 2

# Tiada mekanisme selia subsidi

Dari muka 1

"Itu sahaja yang kementerian (KPDNHEP) ada punca kuasa, kalau yang lain-lain itu, mereka tiada punca kuasa. Macam warga asing membeli beras, minyak masak bersubsidi atau ayam dan telur, itu mereka tiada punca kuasa dan tak boleh halang orang (luar) membeli. Kementerian memang tiada akta mengawal," katanya.

*Utusan Malaysia* difahamkan, dalam isu minyak masak paket 1 kilogram (kg) bersubsidi, sejak pengenalan bermula 2009 sehingga sekarang langsung tiada sebarang kawal selia bagi memastikan penjualan dilakukan secara bersasar mendorong ketirisannya sehingga dijual berleluasa di luar negara khususnya Golok, Thailand.

Semalam, akbar ini melaporkan sejumlah RM19 bilion atau 30 peratus daripada keseluruhan RM66.3 bilion dalam bentuk barang bersubsidi tiris ke tangan warga asing pada 2022 termasuk warganegara Singapura yang semakin membeli-belah di Johor kesan daripada kejatuhan ringgit Malaysia.

Angka dan peratusan tersebut didedahkan oleh pakar ekonomi, Prof. Dr. Barjoyai Bardai yang berkata, 30 peratus daripada keseluruhan subsidi kepenggunaan pada 2022, iaitu kira-kira RM19 bilion 'hangus' dinikmati pelancang serta warga asing yang membeli-belah barang bersubsidi dalam negara selain diseludup dan dijual di luar negara seperti di Golok, Thailand.

Mengulas perkara itu, sumber berkata kerajaan sedang

“

Jadi, soal bilakah pelaksanaan subsidi bersasar mula dilaksanakan, besar kemungkinan bermula hujung tahun ini.”

SUMBER

mengambil langkah menangani isu ketirisian subsidi khususnya membabitkan barang kepenggunaan asas, melalui langkah memperkenalkan mekanisme kawal selia penyaluran subsidi yang menyeluruh.

"Sebab itulah kerajaan mahu buat program subsidi bersasar. Siapakah yang akan jadi punca kuasa mengawalnya? Itu melalui kad pengenalan, kerajaan sedang mengenal pasti mekanisme penyaluran subsidi bersasar. Maksudnya sekarang, sampai hari ini masih belum ada sebarang mekanisme menyalurkan subsidi secara bersasar, tapi ia sedang diteliti. Sebab (ini) bukan melibatkan KPDNHEP saja tapi banyak kementerian dan agensi."

"Contohnya, minyak RON95, itu di bawah punca kuasa Kementerian Kewangan (MOF). Ayam dan telur di bawah MAFI dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), ikan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) misalnya."

"Jadi, soal bilakah pelaksanaan subsidi bersasar mula di-

laksanakan, besar kemungkinan bermula hujung tahun ini. Sistem itu masih diteliti, sama ada mahu menggunakan kad pengenalan atau satu lagi teknologi menggunakan satu bentuk kad khas. Itu belum dikenal pasti. Sebab bila menggunakan kad pengenalan, sistem apakah pula yang akan digunakan untuk proses penyaluran subsidi bersasar," kata sumber.

Dalam perkembangan bersinggan, sumber berkata, kerajaan menetapkan kuota 60,000 tan metrik setiap bulan bagi skim minyak masak paket bersubsidi.

Menurutnya, sejumlah RM600 juta bagi skim penstabilan minyak masak paket bersubsidi telah dibelanjakan pada 2021, namun tidak membantu mengawal ketirisian apabila barang bersubsidi itu turut dinikmati warga asing di negara ini.

"Dalam isu minyak masak bersubsidi dalam paket, sebanyak 60,000 tan metrik sebulan kuota yang bersubsidi. Darab dengan 12 bulan, maksudnya setahun kuota minyak masak paket bersubsidi adalah 720,000 tan setahun. Semenjak itu, tentang kos yang kerajaan belanjakan bagi subsidi minyak masak, pada 2021 kerajaan memperuntukkan RM600 juta untuk skim penstabilan minyak masak paket bersubsidi.

"Maksudnya dalam konteks minyak masak paket bersubsidi misalnya, memang setakat hari ini masih belum ada mekanisme memastikan penjualannya dilakukan secara bersasar, belum ada lagi. Ini berlaku sejak pengenalan minyak masak paket bermula 2009," katanya.

## Penyeludup tinggalkan 1,000 liter petrol

**KOTA BHARU:** Seorang penyeludup bertindak meninggalkan sebuah kereta jenis Proton Gen-2 yang mengandungi 1,000 liter minyak petrol selepas laluan digunakan itu merupakan jalan mati semasa mlarikan diri daripada ditahan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Kelantan kelmarin.

Dalam serbuan pukul 4.40 pagi itu suspek telah bertindak meninggalkan kereta tersebut di tepi jalan Tanjung Chat di sini selepas dikejar sepasukan anggota KPDN Kelantan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga yang melakukan menerusi Op Bersepadu Pencegahan Ketirisan Barang Kawalan.

Pengarahnya Azman Ismail berkata, sejurus menyedari kereta diekori oleh anggota penguat kuasa, suspek telah bertindak memecut laju melalui jalan Pengkalan Chepa ke Tanjung Chat.

“Bagaimanapun, laluan yang digunakan oleh suspek itu merupakan jalan mati menyebabkan dia terus bertindak melar-

kan diri dengan meninggalkan kereta tersebut.

“Pemeriksaan yang dijalankan ke atas kereta itu membawa kepada penemuan 1,000 liter minyak petrol di dalam tong jerikin,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azman berkata, dalam serbuan berasingan di Tumpat pihaknya berjaya mengesan sebuah kereta jenis Proton Iswara yang ditinggalkan dalam keadaan mencurigakan di tepi jalan Kampung Wakaf King, Kepulau di sini pada pukul 7.40 pagi.

Katanya, pemeriksaan yang dijalankan menemui tangki tambahan yang sudah diubahsuai mengandungi 80 liter minyak petrol untuk tujuan penyeludupan.

“Nilai keseluruhan kedua-dua itu rampasan dianggarkan berjumlah RM22,214 dan kes disiasat bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

“KPDN Kelantan sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain bagi membanteras aktiviti penyeludupan barang kawalan di negeri ini,” ujarnya.

Kes seleweng minyak masak bersubsidi disebut semula 12 Julai

## Anak bekas menteri cuti sakit

Oleh NOR AINNA HAMZAH  
utusannews@mediamulia.com.my

**SEREMBAN:** Mahkamah Sesyen Seremban semalam menetapkan 12 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes berkaitan penyelewengan minyak masak bersubsidi yang turut melibatkan seorang anak bekas menteri.

Ia selepas orang kena saman (OKS), Muhammad Faisal Hamzah, 39, yang berhadapan sembilan pertuduhan, tidak hadir ke mahkamah selepas mendapat sijil cuti sakit.

Muhammad Faisal diwakili peguam, Nasuha Badrul Din yang turut mengemukakan sijil cuti sakit berkenaan yang dibawa oleh pihak penjamin.

Hakim, Mazni Nawi kemudiannya menetapkan semula tarikh sebutan semula kes pada 12 Julai ini bagi tujuan memfailkan representasi dan jaminan dilanjutkan.

\* Muhammad Faisal pada 5 April lalu bersama kenalaninya Azizul Abdul Halim, 55, membuat pengakuan tidak bersalah sebaik sahaja pertuduhan dib-



**PENJAMIN kepada Muhammad Faisal (tengah) hadir di Mahkamah Sesyen Seremban membawa sijil cuti sakit anak bekas menteri itu yang menghadapi pertuduhan berkaitan penyelewengan minyak masak bersubsidi.**

- UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

cakan terhadap mereka.

Berdasarkan pertuduhan sebelum ini, kedua-dua mereka yang pada ketika itu merupakan

pengarah syarikat Rimba Merpati Sdn. Bhd., didapati memberikan maklumat palsu semasa mengemukakan maklumat ber-

hubung dokumen/invois penjualan minyak masak kepada dua kedai runcit di sini.

Perbuatan itu didakwa dila-

kukan di pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sarawak (KPDN) negeri kira-kira pukul 5 petang pada 12 Ogos tahun 2022.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 22(4) Akta Kawalan Bekalan 1961 hendaklah disifatkan, telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 8(4)(b) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan boleh di-denda maksimum RM 1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya, didenda maksimum RM 3 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, Syarikat Rimba Merpati Sdn. Bhd. yang merupakan pemegang lesen borong barang kawalan berjadual iaitu minyak masak di mana kedua-duanya merupakan pengarah syarikat berkenaan juga tidak mempunyai barang kawalan berjadual tersebut melebihi had 50 metrik tan.

**Kota Bharu:** Tindakan seorang lelaki dipercayai menyeludup memecut kenderaan ketika dikejar pihak berkuasa memakan diri apabila keretanya terbasas sebelum tersangkut di kabel elektrik.

Bagaimanapun lelaki berkenaan berjaya meloskan diri dengan keluar dari kereta itu dan berlari meninggalkan kenderaan yang penuh dengan muatan petrol.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kelantan Azman Ismail berkata, dalam kejadian jam 4.40 pagi kelmarin, pihaknya menjalankan Ops Bersepadu Pencegahan Ketirisan Barang Kawalan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Tok Bali dan mengesan sebuah kereta jenis Proton Gen2 di Pengkalan Chepa dipandu dalam keadaan mencurigakan.

"Kereta itu disyaki digu-

## Penyeludup petrol lolos kereta sangkut kabel karan



SEJUMLAH tong plastik yang mengandungi 1,000 liter petrol ditemukan dalam kereta yang terbasas dan terlanggar kabel elektrik di Tanjong Chat, selepas dikejar KPDN.

nakan untuk mengangkut petrol di beberapa stesen minyak di sekitar Pengkalan Chepa dan pasukan kami bertindak mengekorinya.

"Menyedari diekori, pemandu kereta itu memecut melalui Jalan Pengkalan Chepake Tanjong Chat sebelum memasuki satu lorong sempit.

"Pemandunya cuba keluar ke jalan utama tetapi keretanya terbasas dan tersangkut di kabel tiang elektrik menyebabkan dia keluar dari kendaraan dan mela-

rikan diri ke arah jalan utama," katanya dalam kenyataan, semalam.

Azman berkata, pemeriksaan yang dibuat terhadap kereta itu menemui sejumlah tong plastik mengandungi cecair disyaki minyak petrol sebanyak 1,000 liter

dianggarkan RM2,050.

Katanya, petrol itu diperlau untuk dibawa ke pangkalan haram di Pengkalan Kubor bagi aktiviti penyelewengan barang kawan-

Dalam perkembangan lain, pihaknya turut merampas 80 liter petrol yang terdapat dalam tangki tambahan yang diubah suai di dua kereta jenis Proton Iswara ditinggalkan tidak berkunci di tepi jalan dalam keadaan mencurigakan di Kampung Wakaf King Kepulau, Tumpat.

"Kita percaya semua bahan bakar ini untuk tujuan penyeludupan ke Thailand dan jumlah keseluruhan rampasan bernilai RM22,214 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

## Lari tinggalkan 1,000 liter petrol

**KOTA BHARU** - Seorang lelaki lari lintang-pukang meninggalkan 1,000 liter minyak petrol seludup selepas diserbu anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan di Tanjung Chat, di sini pada Isnin.

Serbuan pada jam 4.40 pagi itu turut disertai anggota Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Tok Bali dalam membanteras aktiviti penyeludupan.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, semasa melakukan rondaan, anggota bertugas telah mengesan sebuah kereta yang dipandu dalam keadaan mencurigakan.

"Menyedari kehadiran anggota penguat kuasa, suspek terus bertindak mecut laju melalui jalan Pengkalan Chepa ke Tanjung Chat.

"Bagaimanapun, laluan yang digunakan itu merupakan jalan mati dan suspek kemudian bertindak mlarikan diri dengan meninggalkan kereta terbabit," katanya dalam satu kenyataan, di sini pada Rabu.

Menurut beliau, pemeriksaan ke atas Proton Gen-2 itu membawa kepada pemenuhan 1,000 liter petrol.

Sementara itu, dalam serbuan di Tumpat, pihaknya berjaya mengesan sebuah kereta jenis Proton Iswara di tepi jalan Kampung Wakaf King, Kepulauan.

Katanya, pemeriksaan ke atas kereta



Anggota penguat kuasa memeriksa kereta mengandungi 1,000 liter minyak petrol seludup yang ditinggalkan di Tanjung Chat, Kota Bharu pada Isnin.

yang ditinggalkan dalam keadaan mencurigakan itu menemukan 80 liter minyak petrol selain tangki tambahan yang diubahsuai.

"Nilai keseluruhan kedua-dua rampasan dianggarkan berjumlah RM22,214 dan kes disiasat bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.



---

---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**8 JUN 2023 (KHAMIS)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 JUN 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Jun	KPDN sedia pertimbang tambah bekalan gula pada musim perayaan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/06/1111287/kpdn-sedia-pertimbang-tambah-bekalan-gula-pada-musim-perayaan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/06/1111287/kpdn-sedia-pertimbang-tambah-bekalan-gula-pada-musim-perayaan</a>	BH
8-Jun	KPDN cadang naikkan bekalan gula pada musim perayaan – Salahuddin	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/07/kpdn-cadang-naikkan-bekalan-gula-pada-musim-perayaan-salahuddin/">https://malaysiagazette.com/2023/06/07/kpdn-cadang-naikkan-bekalan-gula-pada-musim-perayaan-salahuddin/</a>	MALAYSIAGAZETTE
8-Jun	KPDN pertimbang tambah bekalan gula semasa musim perayaan, kata menteri	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/">https://www.themalaysianinsight.com/</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
8-Jun	Kawalan kendiri jualan gula bukan satu kesalahan – Salahuddin	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/07/kawalan-kendiri-jualan-gula-bukan-satu-">https://malaysiagazette.com/2023/06/07/kawalan-kendiri-jualan-gula-bukan-satu-</a>	MALAYSIAGAZETTE
8-Jun	KPDN sedia pertimbang tambah bekalan gula musim perayaan	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/07/kpdn-sedia-pertimbang-tambah-bekalan-gula-pada-musim-perayaan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/07/kpdn-sedia-pertimbang-tambah-bekalan-gula-pada-musim-perayaan/</a>	FMT
8-Jun	KPDN sedia pertimbang tambah bekalan gula di negeri tertentu semasa musim perayaan	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2195823">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2195823</a>	BERNAMA
8-Jun	KPDN sedia pertimbang tambah bekalan gula di negeri tertentu semasa musim perayaan	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-sedia-pertimbang-tambah-bekalan-gula-di-negeri-tertentu-semasa-musim-perayaan-CH11074125">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-sedia-pertimbang-tambah-bekalan-gula-di-negeri-tertentu-semasa-musim-perayaan-CH11074125</a>	THESUNDAILY
8-Jun	Salahuddin Ayub Sesi Pemantauan Kilang Pembuatan Gula	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/07/salahuddin-ayub-sesi-pemantauan-kilang-pembuatan-gula/">https://malaysiagazette.com/2023/06/07/salahuddin-ayub-sesi-pemantauan-kilang-pembuatan-gula/</a>	MALAYSIAGAZETTE
8-Jun	MyCC joins forces with KPDN on sugar issues	<a href="https://www.thesundaily.my/local/mycc-joins-forces-with-kpdn-on-sugar-issues-HH11073316">https://www.thesundaily.my/local/mycc-joins-forces-with-kpdn-on-sugar-issues-HH11073316</a>	THESUNDAILY
8-Jun	MyCC, KPDN Jalin Kerjasama Pastikan Pengguna Tak Berdepan Isu Gula	<a href="https://www.getaran.my/artikel/semasa/48345/mycc-kpdn-jalin-kerjasama-pastikan-pengguna-tak-berdepan-isu-gula">https://www.getaran.my/artikel/semasa/48345/mycc-kpdn-jalin-kerjasama-pastikan-pengguna-tak-berdepan-isu-gula</a>	GETARAN

8-Jun	MyCC, KPDN bekerjasama rapat tangani isu gula	<a href="https://utusantv.com/2023/06/07/mycc-kpdn-bekerjasama-rapat-tangani-isu-gula/?utm_source=rss&amp;utm_medium=ss&amp;utm_campaign=mycc-kpdn-bekerjasama-rapat-tangani-isu-gula">https://utusantv.com/2023/06/07/mycc-kpdn-bekerjasama-rapat-tangani-isu-gula/?utm_source=rss&amp;utm_medium=ss&amp;utm_campaign=mycc-kpdn-bekerjasama-rapat-tangani-isu-gula</a>	UMTV
8-Jun	Jalan mati, penyeludup lari tinggalkan 1,000 liter petrol	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/jalan-mati-penyeludup-lari-tinggalkan-1000-liter-petrol/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/jalan-mati-penyeludup-lari-tinggalkan-1000-liter-petrol/</a>	UM
8-Jun	Lari tinggalkan 1,000 liter petrol seludup	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/262178">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/262178</a>	SH
8-Jun	KPDN arah tingkat bekalan gula pada musim perayaan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kpdn-arah-tingkat-bekalan-gula-pada-musim-perayaan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kpdn-arah-tingkat-bekalan-gula-pada-musim-perayaan/</a>	UM
8-Jun	KPDN sedia pertimbang tambah bekalan gula di negeri tertentu semasa musim perayaan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sedia-pertimbang-tambah-bekalan-gula-di-negeri-tertentu-semasa-musim-perayaan-422861%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sedia-pertimbang-tambah-bekalan-gula-di-negeri-tertentu-semasa-musim-perayaan-422861%3famp=1</a>	ASTROAWANI
8-Jun	KPDN mulls increasing sugar supply in certain states during festive seasons	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2195888">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2195888</a>	BERNAMA
8-Jun	KPDN mulls increasing sugar supply in certain states during festive seasons	<a href="https://www.thesundaily.my/local/kpdn-mulls-increasing-sugar-supply-in-certain-states-during-festive-seasons-KH11075483">https://www.thesundaily.my/local/kpdn-mulls-increasing-sugar-supply-in-certain-states-during-festive-seasons-KH11075483</a>	THESUNDAILY
8-Jun	Salahuddin: Ministry mulls increasing sugar supply in certain states during festive seasons	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/07/salahuddin-ministry-mulls-increasing-sugar-supply-in-certain-states-during-festive-seasons/73055">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/07/salahuddin-ministry-mulls-increasing-sugar-supply-in-certain-states-during-festive-seasons/73055</a>	MALAYMAIL